



Kontrak dalam tangan Kerjaya Prospek cecah RM4.1 bilion

Kerjaya Prospek Group Bhd mempunyai kontrak dalam tangan yang belum dibayar dianggarkan mencecah RM4.1 bilion, dengan kerja baharu bernilai kira-kira RM980 juta diraih setakat tahun ini.

Penganalisis RHB Investment Bank, Adam Mohamed Rahim, berkata nilai kerja baharu yang diraih syarikat pembinaan itu setakat tahun ini adalah 65 peratus daripada sasaran yang dibuat oleh bank pelaburan itu, iaitu sebanyak RM1.5 bilion.

"Mengikut anggaran kami, sekurang-kurangnya 30 peratus daripada buku pesanan Kerjaya Prospek diterima dari projek Seri Tanjung Pinang Fasa 2 (STP2).

"Kami berpendapat bahawa masih banyak peluang akan muncul apabila hartanah di STP2 bakal dilancarkan, seperti pangsapuri perkhidmatan bernama The Lume dengan nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM689 juta.

"Prospek syarikat ini disokong lagi oleh permintaan kukuh untuk projek sedia ada di bawah STP2, misalnya Senna dan Fera. Kadar ambilan bagi projek ini mencecah lebih 90 peratus sejak pelancarannya pada Januari lalu," katanya dalam satu nota penyelidikan, semalam.

Adam berkata, Kerjaya Prospek meraih kerja bernilai kira-kira RM1.3 bilion di kawasan Batu Kawan ditawarkan Aspen (Group) Holdings Bhd.

Menurut berita terkini, katanya, Kerjaya Prospek Property sedang memajukan tanah seluas 222,000 kaki persegi di Batu Kawan menjadi sebuah pembangunan bercampur menerusi usaha sama (JV) dengan Aspen.

"Hal ini menunjukkan kawasan Batu Kawan menawarkan banyak lagi potensi pembangunan untuk masa hadapan," katanya.

Selain itu, beliau berkata, peluang lain mungkin timbul daripada pembangunan Elmina West yang mempunyai anggaran GDV sebanyak RM1.5 bilion untuk tanah pegangan kekal seluas 135 ekar milik Eastern & Oriental Bhd (E&O).

Sebagai imbasan, katanya, Kerjaya Prospek meraih kerja bernilai RM25 juta pada suku ketiga 2023 untuk menjalankan kerja tanah di Elmina West.

Berita Harian 11 July 2024